



جياتن كحاكيمن شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (39)
Takwim : 3 Sya'ban 1424H
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No.12 Tahun 2003

**Penyediaan Kronologi Kes Dan Ringkasan Penghujahan Bertulis Bagi
Kes-Kes Rayuan Di Mahkamah Tinggi Syariah Dan Mahkamah
Rayuan Syariah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan penyediaan kronologi kes dan ringkasan penghujahan bertulis di dalam kes-kes rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Peguam-Peguam Syarie /Pendakwa Syarie hendaklah menyediakan kronologi kes dan penghujahan bertulis bagi kes-kes yang dirayu yang mana hendaklah dihantar kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah mengikut mana yang berkenaan tidak lewat daripada 14 hari sebelum tarikh sebutan atau pendengaran kes tersebut.

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta-merta.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA
2003